

Buat masa ini BN tetap akan 'berenang dan tenggelam' bersama Berjaya

Mahathir

sokong penuh tindakan Musa

(9)
SUBANG 29 April - Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad memberi sokongan penuh kepada tindakan timbalannya, Datuk Musa Hitam dalam menghadapi isu penubuhan kerajaan baru Negeri Sabah.

Perdana Menteri berkata, buat masa ini Barisan Nasional tetap akan "berenang dan tenggelam" bersama Berjaya, parti yang kalah dalam pilihanraya Negeri Sabah minggu lalu.

"Bagaimanapun, saya tidak tahulah apa yang akan berlaku pada masa akan datang," tambahnya ketika ditanya oleh para pemberita di Lapangan Terbang Subang sekembalinya dari lawatan ke negara-negara Scandinavia dan Austria petang ini.

Dalam sidang akhbar itu Datuk Sri Dr. Mahathir berkata, sebagai Pemangku Perdana Menteri, Datuk Musa mendapat sokongan penuhnya dan beliau berdiri teguh di belakangnya.

Datuk Musa yang berada di sebelahnya terus tersenyum sambil mengangkat tangan kanannya seolah-olah sedang mengesat peluh di dahinya.

Ditanya apa tindakan yang akan diambil ke atas Berjaya yang membuat percubaan merampas kuasa di Sabah, Perdana Menteri

JM 30 APR 1990

Oleh Douglas Tay

berkata beliau ingin mendapat tahu apa yang sebenarnya telah berlaku Isnin lalu setelah keputusan pilihanraya diumumkan di negeri itu.

Berjaya dan USNO telah mencuba menubuhkan Kerajaan Negeri Sabah pada awal pagi Isnin lalu dengan mengangkat Tun Datu Mustapha Datu Harun sebagai Ketua Menteri baru meskipun kedua-dua parti itu tidak memenangi kerusi majoriti, berbanding dengan Parti Bersatu Sabah (PBS) yang mendapat majoriti.

Tidak sedar

Datuk Sri Dr. Mahathir seterusnya menyatakan, "saya tidak sedar tentang apa-apa pakatan (di antara Berjaya dan USNO). Saya ingin mendapat tahu lebih mendalam sebelum membuat ulasan.

"Maklum saja sekarang ini suasana masih panas. Kita kenalah memberi pertimbangan terhadap suasana itu," jelasnya.

Mengenai kekalahan Berjaya di Sabah, Datuk Sri Dr. Mahathir secara berseloroh berkata beliau telah "mencabut-cabut rambutnya," disambut oleh ketawa Datuk Musa dan para pemberita.

Dengan nada yang serius pula, Perdana Menteri menegaskan bahawa keputusan pilihanraya Negeri Sabah itu sudah tentu mengecewakannya.

Ditanya apa mesejnya untuk kerajaan baru PBS di Sabah, beliau berkata: "Jadilah kerajaan yang baik."

Mengenai permohonan PBS menyertai Barisan Nasional, beliau berkata Barisan Nasional akan bermesyuarat sekiranya ada permohonan daripada parti itu.

Ditanya pula mengenai pandangan peribadinya terhadap isu PBS masuk Barisan Nasional, katanya pan-

dangan peribadi beliau tidak ada kena mengena dengan perkara itu.

"Saya tidak ingin memengaruhi sesiapa sebelum pertimbangan dibuat. Setiap pihak (parti komponen BN) diberi peluang bebas untuk membuat keputusan," tegasnya.

Beliau juga enggan mengulas kenyataan Presiden PBS, Datuk Joseph Pairin Kitingan yang mahu Berjaya dipecat dari Barisan Nasional.

Kata Perdana Menteri, PBS bukanlah anggota komponen Barisan Nasional dan beliau ingin mengetahui 'kenapa parti itu mahu Berjaya disingkirkan dari Barisan Nasional.